

Kempen Debit Card Cashback

Dikemaskini pada 01 Disember 2021

TEMPOH KEMPEN

Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) [selepas ini secara kolektif disebut sebagai “Bank”] “Kempen **Debit Card Cashback**” (“**Kempen**”) bermula pada 01 Disember 2021 jam 00:00:00 (12:00 pagi) dan berakhir pada 30 Jun 2022 jam 23:59:59 (11:59 malam) termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”), kecuali diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Berikut adalah terma dan syarat yang ditetapkan bagi Kempen (“**T&C**”):

KELAYAKAN KEMPEN

1. Kempen ini terbuka bagi Pelanggan (seperti yang ditentukan di bawah) Kad Debit/Kad Debit-i Bank Baharu (selepas ini secara kolektif disebut sebagai “**Kad Debit HLB**”) (i) individu, dan (ii) warganegara Malaysia atau bukan Malaysia (“**Pelanggan Kad Debit HLB Baharu**”). Kempen ini TIDAK tertakluk kepada pelanggan bukan individu termasuk hak milik tunggal, perkongsian, amalan profesional, syarikat dan badan korporat.
2. “**Pelanggan Kad Debit HLB Baharu**” merujuk kepada;
 - (i) pelanggan yang tidak memiliki Kad Debit dan Akaun Sertaan HLB dengan Bank yang disenaraikan di Klausa 3 di bawah ini sebelum Tempoh Kempen dan memohon Kad Debit HLB dan mana-mana Akaun Sertaan semasa Tempoh Kempen, atau
 - (ii) pemegang utama Akaun Sertaan yang tidak mempunyai Kad Debit HLB dan MEMOHON Kad Debit HLB semasa Tempoh Kempen.

Untuk mengelakkan keraguan, Pelanggan Kad Debit HLB Baharu mesti menandakan Kad Debit HLB mereka dengan Akaun Sertaan sebagai Akaun Pembelian Runcit mereka (“**RPA**”) untuk menyertai dalam Kempen ini.

3. Akaun Sertaan bagi tujuan Kempen ini adalah seperti berikut;
 - a) Akaun Simpanan Asas Hong Leong;
 - b) Akaun Simpanan Asas-i Hong Leong;
 - c) Akaun Simpanan Hong Leong;
 - d) Akaun Simpanan-i Hong Leong;
 - e) Akaun Semasa Hong Leong;
 - f) Akaun Semasa-i Hong Leong;
 - g) Akaun Simpanan Multi-tier Hong Leong;
 - h) Akaun Senior Savers Hong Leong;
 - i) Akaun Simpanan Harvest Hong Leong;
 - j) Akaun Pay&Save Hong Leong;
 - k) Akaun Pay&Save-i Hong Leong;
 - l) Akaun Top Yield Hong Leong;
 - m) Akaun One Hong Leong;
 - n) Akaun Semasa One-i Hong Leong;
 - o) Akaun Gaji Simpanan Asas Hong Leong;
 - p) Akaun Gaji Simpanan Asas-i Hong Leong;
 - q) Akaun Gaji Simpanan Hong Leong;
 - r) Akaun Gaji Simpanan-i Hong Leong;

- s) Akaun Gaji Pay&Save Hong Leong; dan
- t) Akaun Gaji Pay&Save-i Hong Leong.

Akaun Sertaan deposit Islamik adalah berdasarkan prinsip Syariah Tawarruq

4. Pelanggan Kad Debit HLB Baharu berikut TIDAK layak untuk menyertai Kempen ini:
 - (a) pelanggan bukan individu termasuk pemilikan tunggal, perkongsian, amalan profesional, syarikat dan badan korporat;
 - (b) yang memiliki Kad Debit HLB yang TIDAK dikeluarkan di Malaysia;
 - (c) yang memiliki Kad Debit HLB dan Akaun Sertaan yang tidak berada dalam keadaan baik, tidak aktif, terikat kepada Akaun Semasa / Akaun Semasa-i yang telah ditutup atau tidak aktif atau Akaun Simpanan / Akaun Simpanan-i ("**CASA/CASA-i**") atau yang melanggar terma dan syarat Bank yang berkenaan dengan Kad Debit HLB dan/atau CASA/CASA-i pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen;
 - (d) yang mempunyai Kad Debit HLB tidak sah atau dibatalkan pada bila-bila masa dalam Tempoh Kempen atau sembilan puluh (90) hari dari tarikh semasa; dan/atau
 - (e) yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah laku berkaitan kemudahan yang diberikan oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis atau dikenakan sebarang proses muflis pada bila-bila masa sebelum, semasa atau setelah Tempoh Kempen.

KAEDAH KEMPEN

5. Tawaran yang tersedia untuk Kempen ini adalah pulangan tunai Ringgit Malaysia Dua Puluh Lima (RM25) ("**Pulangan Tunai**"). Untuk mendapatkan pulangan tunai, Pelanggan Kad Debit HLB Baharu MESTI membuat sekurang-kurangnya lima (5) Transaksi Layak (seperti ditakrifkan di Klausu 12) dengan tidak memerlukan perbelanjaan minimum bagi setiap Transaksi Layak dalam Bulan Kumpulan Kempen (seperti yang ditakrifkan di Klausu 9) ("**Pelanggan yang Layak**").
6. Jumlah maksimum had Pulangan Tunai yang diperuntukkan oleh Bank bagi Kempen ini dihadkan kepada Ringgit Malaysia Satu Juta (RM1,000,000) sepanjang Tempoh Kempen ("**Had Pulangan Tunai**") atas dasar siapa-cepat-dia-dapat..
7. Pelanggan yang Layak telah memenuhi kriteria seperti yang diperuntukkan di Klausu 5 di atas berhak mendapat Pulangan Tunai untuk tiga (3) bulan seperti yang diperuntukkan dalam jadual 1 di bawah. Setiap Pelanggan yang Layak berhak untuk menerima satu (1) kali Cashback sebulan di bawah Bulan Kumpulan Kempen dan maksimum had Ringgit Malaysia Tujuh Puluh Lima (RM75) sepanjang Bulan Kumpulan Kempen.

Jadual 1

Bulan Kumpulan Kempen	Bulan 1	Bulan 2	Bulan 3
Kumpulan Disember	01 – 31 Disember 2021	01 – 31 Januari 2022	01 – 28 Februari 2022
Kumpulan Januari	01 – 31 Januari 2022	01 – 28 Februari 2022	01 – 31 Mac 2022
Kumpulan Februari	01 – 28 Februari 2022	01 – 31 Mac 2022	01 – 30 April 2022
Kumpulan Mac	01 – 31 Mac 2022	01 – 30 April 2022	01 – 31 Mei 2022

Kumpulan April	01 – 30 April 2022	01 – 31 Mei 2022	01 – 30 Jun 2022
Kumpulan Mei	01 – 31 Mei 2022	01 – 30 Jun 2022	01 – 31 Julai 2022
Kumpulan Jun	01 – 30 Jun 2022	01 – 31 Julai 2022	01 – 31 Ogos 2022
Jumlah keseluruhan	RM1,000,000		

8. Untuk mengelakkan keraguan:
- Pelanggan memohon Kad Debit HLB dari 01 – 31 Disember 2021 akan diklasifikasikan sebagai "**Kumpulan Disember**", dan tanpa mengira tarikh atau hari dalam bulan tersebut, pelanggan berhak mendapat Pulangan Tunai sehingga 28 Februari 2022; dan
 - Pelanggan memohon Kad Ddebit HLB dari 01 – 31 Januari 2022 akan diklasifikasikan sebagai "**Kumpulan Januari**", dan tanpa mengira tarikh atau hari dalam bulan tersebut, pelanggan berhak mendapat Pulangan Tunai sehingga 31 Mac 2022; dan
 - Pelanggan memohon Kad Debit HLB dari 01 – 28 Februari 2022 akan diklasifikasikan sebagai "**Kumpulan Februari**", dan tanpa mengira tarikh atau hari dalam bulan tersebut, pelanggan berhak mendapat Pulangan Tunai sehingga 30 April 2022; dan
 - Pelanggan memohon Kad Ddebit HLB dari 01 – 31 Mac 2022 akan diklasifikasikan sebagai "**Kumpulan Mac**", dan tanpa mengira tarikh atau hari dalam bulan tersebut, pelanggan berhak mendapat Pulangan Tunai sehingga 31 Mei 2022; dan
 - Pelanggan memohon Kad Debit HLB dari 01 - 30 April 2022 akan diklasifikasikan sebagai "**Kumpulan April**", dan tanpa mengira tarikh atau hari dalam bulan tersebut, pelanggan berhak mendapat Pulangan Tunai sehingga 30 June 2022; dan
 - Pelanggan memohon Kad Debit HLB dari 01 – 31 Mei 2022 akan diklasifikasikan sebagai "**Kumpulan Mei**", dan tanpa mengira tarikh atau hari dalam bulan tersebut, pelanggan berhak mendapat Pulangan Tunai sehingga 31 Julai 2022.
 - Pelanggan memohon Kad Debit HLB dari 01 - 30 Jun 2022 akan diklasifikasikan sebagai "**Kumpulan Jun**", dan tanpa mengira tarikh atau hari dalam bulan tersebut, pelanggan berhak mendapat Pulangan Tunai sehingga 31 Julai 2022.
9. Untuk tujuan Klausa 5 di atas, "**Transaksi Layak**" adalah seperti yang berikut:
- Transaksi pembelian runcit yang melalui pembelian *point-sale* (transaksi kad semasa) di mana-mana kedai runcit yang beroperasi di Malaysia dan dilakukan dalam Ringgit Malaysia ("**RM**");
 - Transaksi pembelian runcit yang dilakukan melalui pembelian dalam talian (tidak ada transaksi kad) di mana-mana laman web e-dagang yang dilakukan dalam RM.
10. Transaksi Layak TIDAK TERMASUK perkara berikut:
- Transaksi pembelian runcit yang melalui pembelian *point-sale* (transaksi kad semasa) di mana-mana kedai runcit yang beroperasi di luar Malaysia;
 - Transaksi pembelian runcit yang dilakukan melalui pembelian dalam talian (tidak ada transaksi kad) di mana-mana laman web e-dagang yang dilakukan dalam mata wang selain dari RM;
 - Transaksi yang dikembalikan, dipertikaikan, tidak berjaya, disimpan, tidak dibenarkan, penipuan, atau tidak sah;
 - Pembayaran fi pengeluaran Kad Debit HLB / fi tahunan / fi pembaharuan; dan
 - Sebarang pembayaran berasingan; merujuk kepada tindakan mengasingkan (membahagi) jumlah pembayaran tunggal dan penuh dalam dua (2) atau lebih transaksi serentak yang dibuat dengan kaedah pembayaran yang berbeza.
11. Untuk mengelakkan keraguan, Pulangan Tunai hanya akan diberikan kepada Pelanggan Layak seperti huraian di bawah:

Senario A: Pelanggan yang Layak mohon Kad Debit HLB pada **15** Disember 2021

Kumpulan Februari			
Bulan Kempen	Transaksi Layak	Kelayakan Pulangan Tunai	Kenyataan
Disember 2021	5	RM25	Layak mendapat satu (1) Pulangan Tunai.
Januari 2022	5	RM25	Layak mendapat satu (1) Pulangan Tunai.
Februari 2022	5	RM25	Layak mendapat lima (5) Pulangan Tunai.
Jumlah		RM75	

Senario B: Pelanggan yang Layak mohon Kad Debit HLB pada **05** Disember 2021

Kumpulan Februari			
Bulan Kempen	Transaksi Layak	Kelayakan Pulangan Tunai	Kenyataan
Disember 2021	10	RM25	Layak mendapat satu (1) Pulangan Tunai setiap bulan sahja.
Januari 2022	3	0	Tidak layak
Februari 2022	5	RM25	Layak mendapat lima (1) Pulangan Tunai.
Jumlah		RM50	

Senario C: Pelanggan yang Layak mohon Kad Debit HLB pada **10** Februari 2022

Kumpulan Februari			
Bulan Kempen	Transaksi Layak	Kelayakan Pulangan Tunai	Kenyataan
Februari 2022	1	0	Tidak layak mendapat Pulangan Tunai. Transaksi Layak tidak terkumpul sepanjang Tempoh Kempen.
Mac 2022	2	0	
April 2022	2	0	
Jumlah		0	

Senario D: Pelanggan yang Layak mohon Kad Debit HLB pada **28** Januari 2022

Kumpulan Februari			
Bulan Kempen	Transaksi Layak	Kelayakan Pulangan Tunai	Kenyataan
Januari 2022	0	0	Tidak layak mendapat Pulangan Tunai.
Februari 2022	5	RM25	Layak mendapat lima (1) Pulangan Tunai.
Mac 2022	5	RM25	Layak mendapat lima (1) Pulangan Tunai.
Jun 2022	5	0	Tidak layak mendapat Pulangan Tunai. Kumpulan Februari hanya dapat menikmati Pulangan Tunai sehingga 31 Mac 2022. (Rujuk klausa 8)
Jumlah		RM50	

12. Transaksi Layak seperti yang dinyatakan di Klausa 9 berjaya diposkan dan terdapat dalam sistem Bank dan direkodkan dengan jumlah transaksi yang berkaitan yang berjaya didebitkan dari Akaun Sertaan Pelanggan yang Layak akan layak mendapat Pulangan Tunai.
13. Pihak Bank tidak akan dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan atau kelewatan penghantaran dan / atau refleksi dalam Akaun Sertaan Pelanggan yang Layak mengenai Transaksi Layak yang relevan yang boleh mengakibatkan Pelanggan yang Layak tidak menerima Pulangan Tunai
14. Pihak Bank akan mengesan Transaksi Layak Pelanggan dari hari pertama (1) hingga hari tiga puluh (30) selepas akhir setiap bulan daripada Bulan Kumpulan Kempen. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke Akaun Sertaan Pelanggan yang Layak dalam tiga puluh (30 hari) selepas akhir setiap bulan daripada Bulan Kumpulan Kempen.
15. Pulangan tunai akan dapat dilihat di dalam penyataan CASA/CASA-i mereka dan akan ditunjukkan pada penyata bulanan mereka sama ada mereka berjaya mendapatkan Pulangan Tunai. Pelanggan yang Layak dapat menghubungi Bank jika mereka tidak menerima Pulangan Tunai dari hari tiga puluh satu (31) hingga hari enam puluh (60) dari akhir setiap bulan Bulan Kumpulan Kempen ("Tarikh Akhir") yang mana, dan mana-mana rayuan / permintaan untuk pembayaran balik Cashback tidak akan dilayan oleh Bank selepas Tarikh Akhir.
16. Setakat yang diizinkan oleh undang-undang, pihak Bank dikecualikan dari sebarang tanggungjawab dan semua liabiliti yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan pada butiran Pulangan Tunai atau keadaan lain yang tidak dijangka di luar kawalan munasabah pihak Bank dan bagi sebarang tindakan atau keingkaran dari mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga (jika ada).

UMUM

17. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan akan:
 - a) mengesahkan dan mengakui telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan T&C ini dan Terma dan Syarat Bank yang berkaitan dengan Kad Debit HLB dan/atau CASA/CASA-i yang terdapat di www.hlb.com.my dan www.hlisb.com.my ("Laman Web Bank");
 - b) bersetuju bahawa semua rekod transaksi yang diambil oleh sistem Bank untuk tujuan Kempen adalah muktamad;
 - c) bersetuju bahawa keputusan Bank berkenaan semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, tertakluk dan terikat kepada semua Pelanggan yang Layak;
 - d) bersetuju bahawa sebarang transaksi pembalikan akan dikecualikan dari Transaksi Layak;
 - e) bersetuju bahawa Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada pihak ketiga dan tidak boleh ditukarkan dengan wang tunai atau dalam sebarang bentuk;
 - f) bersetuju untuk mengakses Laman Web Bank secara berkala untuk melihat T&C Kempen ini untuk memastikan bahawa mereka mengikuti perkembangan atau perubahan pada T&C; dan
 - g) mempersetujui dan memberi Kuasa kepada pihak Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka seperti nombor telefon kepada vendor pihak ketiga yang diberi kuasa, Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (898379-U) sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Bank untuk tujuan penghantaran SMS promosi Kempen ini (sekiranya ada).

18. Pihak Bank berhak untuk:
 - a) membatalkan penyertaan Pelanggan yang Layak daripada menyertai Kempen ini. Khususnya, setiap Pelanggan yang Layak yang telah melakukan Transaksi dengan cara atau corak yang dianggap oleh Bank sebagai tidak normal, tidak teratur dan/atau menunjukkan adanya usaha untuk mendapatkan keuntungan yang tidak adil daripada Pelanggan yang Layak lain; dan
 - b) melucutkan dan/atau mendapatkan kembali Pulangan Tunai apabila terdapat Pembalikan Transaksi, jika berlaku, atau penamatan Kad Debit HLB semasa Tempoh Kempen dan/atau pada saat pemberian Pulangan Tunai atau ketidakpatuhan pada T&C di sini;
 - c) menambah, memadamkan atau mengubah T&C ini, sepenuhnya atau sebahagiannya, atau menghentikan Kempen ini, dengan cara menyiarkan di Laman Web Bank atau dengan kaedah lain yang dianggap praktikal oleh Bank, dengan memberi notis terlebih dahulu kepada yang Pelanggan yang Layak.
19. Pihak Bank tidak akan ditanggungjawabkan dan bertanggungjawab atas sebarang kegagalan atau kelewatan dalam penyerahan dan/atau proses transaksi penjualan oleh pihak MyDebit/Visa/Mastercard, atau mana-mana pihak yang mengakibatkan Pelanggan yang Layak dibatalkan dari Kempen ini.
20. T&C ini tertakluk pada dan terikat kepada undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
21. Sebagai tambahan kepada syarat-syarat yang dinyatakan di atas, Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa Terma dan Syarat Bank yang berkenaan dengan Kad Debit Bank dan/atau CASA/CASA-i akan dibaca bersama T&C ini sebagai keseluruhan perjanjian. Sebarang percanggahan diantara T&C ini dengan Terma dan Syarat Bank, syarat khusus didalam T&C ini akan diutamakan setakat percanggahan tersebut.
22. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&C ini dengan promosi iklan, publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini, terma dan syarat di Laman Web Bank akan diutamakan.
23. Kata-kata yang menunjukkan satu jantina merangkumi semua jantina dan kata-kata tunggal merangkumi jamak dan sebaliknya.

Akaun Sertaan deposit Islamik adalah berdasarkan prinsip Syariah Tawarruq.

Akaun Sertaan dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-7626 8899.